



SOALAN LAZIM (FAQ'S)

PROGRAM MYMEDIC

1. Apakah objektif program MYMedic?

- Program MYMedic dilaksanakan bagi membantu golongan B40 yang tinggal di kawasan perumahan kos rendah di Kuala Lumpur yang jauh dari klinik kesihatan boleh mendapatkan pemeriksaan asas kesihatan.
- Program MYMedic beroperasi melalui 2 kaedah iaitu secara klinik bergerak dan juga klinik statik.

2. Bilakah waktu operasi perkhidmatan MYMedic?

- Waktu operasi bagi klinik bergerak dan klinik statik adalah pada setiap hari Selasa hingga Ahad selama 4 jam sehari mengikut jadual pergiliran kawasan.

3. Saya mempunyai penyakit kencing manis dan perlu membuat pemeriksaan secara berkala di klinik kesihatan. Bolehkah saya membuat pemeriksaan melalui perkhidmatan MYMedic?

- Perkhidmatan klinik MYMedic hanya menyediakan rawatan asas bagi pesakit yang demam, batuk dan penyakit-penyakit ringan yang lain. Bagi pesakit kencing manis dan penyakit kronik yang lain, rawatan susulan perlu dibuat di klinik kesihatan berhampiran.

4. Saya tinggal di PA Wangsa Maju R1, bolehkah saya menggunakan perkhidmatan Van MYMedic di PA Wangsa Maju R10?

- Boleh. Walaubagaimanapun keutamaan diberikan kepada penduduk di kawasan yang di tetapkan.

5. Bolehkah orang bukan warganegara mendapatkan perkhidmatan melalui Van MYMedic ini?

- Tidak boleh. Kemudahan ini hanya boleh digunakan oleh warganegara Malaysia sahaja.